

30/04/2001

Olak, SSBP turut mara ke suku akhir

Haryani Ngah; Noh Ahmad; Shukri Matt Ali; Pakir Mohamad
HANYA tiga mata lagi yang diperlukan untuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) ditabab sebagai juara Liga Hoki Remaja Kebangsaan selepas mencuri satu lagi kemenangan dengan menewaskan Tentera 3-1, di Stadium Hoki Seremban Dua, petang semalam.

Ketika TNB gah dipersada liga, Old La Sallians Klang (Olak) dan Sekolah Sukan Bandar Penawar harus menarik nafas lega kerana mata penuh yang diperolehi semalam melayakkan kedua-dua pasukan ke suku akhir.

Olak berjaya mengalahkan Majlis Sukan Pahang (MSP) 1-0, manakala SSBP bangkit menewaskan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) 2-0.

Namun dua lagi pasukan yang mendapat mata penuh semalam, Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Mohd Taha (SMKDMT), sama ada layak atau sebaliknya ke suku akhir hanya akan di ketahui di dua perlawanan terakhir minggu depan.

MPSPK mencatat kemenangan ke atas Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) 2-0 dan SMKDMT menumpaskan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) 2-0.

Di Stadium Hoki Seremban, TNB lebih mula mengasak ke kubu Tentera, tetapi barisan hadapan mereka gagal memecah kebuntuan sehinggalah pada minit ke-16 apabila gol pertama diperolehi melalui rembatan kencang Ahmad Hasbi Abdul Latif.

Pemain TNB yang jelas keletihan selepas bertandang ke Alor Star, Jumaat lalu mula memperlahankan permainan dan kesempatan itu digunakan oleh Tentera untuk mencari gol penyamaan.

Usaha Tentera akhirnya berjaya juga apabila Nurul Amin Ahmad Fadzil bijak memperdaya penjaga gol TNB, K Palaniappan pada minit ke-23 untuk menjadikan kedudukan 1-1.

Namun, TNB kembali menggandakan asakan sehingga memperolehi beberapa pukulan sudut penalti sebelum akhirnya mendahului 2-1 hasil rembatan kencang Ismail Shahrom.

Pada separuh masa kedua, saingan kedua-dua pasukan agak seimbang, tetapi ketumpulan jentera Tentera dalam memanfaatkan pukulan sudut penalti jelas menjadi pemisah.

TNB pula bijak mengambil peluang itu untuk melebarkan kedudukan kepada 3-1 selepas Mohd Khairul Mizan Azizan membuat kuisan untuk menewaskan penjaga gol Tentera, Mohd Hanafi Yusof.

Di Padang Hoki Kompleks Sukan MPSP Bertam, pasukan yang dibimbing jurulatih, Sofri Ahmad dan pengadil antarabangsa Persekutuan Hoki Malaysia, I Soomasundram itu bermain cemerlang untuk menguasai permainan separuh masa pertama dengan memperolehi lima pukulan sudut penalti.

Gol pertama diperolehi menerusi pukulan Zulkifli Md Rejab pada minit keenam sementara 'set piece' yang mengelirukan lawan menerusi satu lagi pukulan sudut penalti disempurnakan Redhuan Osman untuk meletakkan pelawat mengatasi tuan rumah 2-0.

Separuh kedua pula menyaksikan MPSP sering mengasak kubu MPSPK sehingga menyebabkan beberapa kali penjaga gawang MPSPK, Shahrul Nizam Said terpaksa keluar untuk menyelamatkan serangan.

Ketika MPSPK bermain dengan sepuluh pemain setelah seorang pemain pertahanannya dilayangkan kad kuning dan penyerang utamanya, Farid Hashim diusung keluar padang setelah kaki kirinya cedera terkena kayu lawan pada sepuluh minit terakhir, MPSP terus menyerang dan memperolehi lima pukulan sudut penalti tetapi gagal memanfaatkannya.

Di Stadium Bukit Serindit Melaka, SMKDT yang seharusnya menjaringkan gol pada minit ke-8 dan ke 21 hasil pukulan sudut penalti gagal memanfaatkan peluang berkenaan namun tindakan solo Mohd Hafiz Mohd Zin berjaya memecah kebuntuan pada minit 34.

Ketinggalan 0-1 tidak mematah semangat juang PKNS malah bertindak lebih kemas pada babak kedua tapi penyudah yang kurang baik membuat usaha itu tidak berhasil.

SMKDT yang bermain secara bertahan selepas mendahului 1-0 membuat serangan untuk memantapkan kedudukan apabila Zul Helmi pula mengambil giliran mencatat nama sebagai penjaring pada minit ke-52.

Zul Helmi dapat merembat kencang mengelirukan penjaga gawang PKNS dalam keadaan kekalutan di depan pintu gol untuk gol kedua SMKDT.

Di Padang Hoki SSBP, kecewa ke atas kekalahan di dua perlawanan terdahulu membuatkan SSBP bangkit mengatur serangan kencang ke arah gawang lawan.

Usaha SSBP nyata tidak sia-sia apabila hantaran Mohd Fakhrurazi Baharudin berjaya memperdayakan penjaga gol MPPJ, Mohd Mahathir Thayin seawal minit kesembilan.

Manakala Mohd Sari Jasmani menyumbangkan gol kedua, tiga minit sebelum babak pertama berakhir.

MPPJ yang cuba melakukan serangan, bagaimanapun terhalang oleh kepantasan barisan pertahanan SSBP.

Di Stadium Hoki Kuantan, kealpaan barisan pertahanan MSP memberi peluang Mohd Ramzul Ikhsan Remli menjaringkan pada minit ke-32.

Bagaimanapun usaha jentera serangan MSP mencari gol penyamaan gagal menembusi kubu pertahanan Olak.